



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (82)  
Tarikh : 26 Mac 2025  
25 Ramadhan 1446H

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Ketua Pendaftar  
Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Pendaftar/ Penolong Pendaftar


Yang Arif / Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 3 TAHUN 2025  
PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA  
TAHUN 2024**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Pegawai Syariah Bilangan 1 Tahun 2025 pada 07 Mac 2025 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai tujuh (7) Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2024. Senarai Arahan Amalan tersebut seperti dilampiran 1.

2. Mohon Yang Arif/ Tuan/ Puan memastikan semua Arahan Amalan tersebut digunapakai dan dipatuhi pelaksanaannya.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 01 April 2025

  
(YANG AMAT ARIF ZA'IM BIN MD YUDIN)  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (82)

## LAMPIRAN 1

### SENARAI ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA TAHUN 2024

- 1. Arahan Amalan No.1 Tahun 2024**  
Keperluan Pemfailan Borang Perakuan Bantuan Guaman dan Borang Pemberitahuan Pemberian Perakuan Bantuan Guaman di Mahkamah Syariah Oleh Peguam Jabatan Bantuan Guaman.
- 2. Arahan Amalan No. 2 Tahun 2024**  
Permohonan Penangguhan Kes Atas Pelbagai Alasan Termasuklah Alasan Melalui Pengemukakan Sijil Cuti Sakit.
- 3. Arahan Amalan No. 3 Tahun 2024**  
Pertindihan Pendengaran Kes.
- 4. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2024**  
Tempoh Masa Sah Laku Perintah Kebenaran Poligami.
- 5. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2024**  
Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan Yang Dibuat Oleh Pihak-pihak, Peguam Syarie dan Pegawai Sulh/ Pengantara/ Mediasi Agensi Tertentu Tidak Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes.
- 6. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2024**  
Serahan Dokumen dan Surat Cara Mahkamah Selain Saman Antara Peguam Syarie Secara Perkhidmatan Elektronik Secara E-mel.
- 7. Arahan Amalan No. 7 Tahun 2024**  
Garis Panduan Tatacata Mencabar Kebolehpercayaan Saksi.